

7 Disember 2017

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Kepada Pelabur Yang Dihargai

PENAMATAN PERLINDUNGAN TAKAFUL KEMALANGAN DIRI BERKUMPULAN (GPA) PERCUMA

Tahun 2018 bakal tiba tidak lama lagi, oleh itu kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih di atas sokongan dan sumbangan anda sepanjang tahun ini.

BIMB Invest tetap komited dalam usaha berterusan kami untuk menjana prestasi pelaburan yang konsisten dan mampan. Kami dengan sukacitanya memaklumkan bahawa dana global ekuiti Islam dan dana Malaysia ekuiti Islam kami secara konsisten berada di dalam suku pertama untuk prestasi pelaburan terbaik sepanjang tahun ini. Hubungi kami untuk mengetahui lebih lanjut mengenai dana-dana Islam kami yang berprestasi tinggi atau kunjungi laman sesawang kami di www.bimbinvestment.com.my.

Sepanjang tahun lalu, dunia perniagaan amat mencabar dan dijangka cabaran ini akan berterusan pada masa akan datang. Oleh itu, kami ingin memaklumkan bahawa kami tidak dapat terus menawarkan perlindungan Takaful Kemalangan Diri Berkumpulan (GPA) percuma mulai 1 Januari 2018 dan seterusnya disebabkan persekitaran perniagaan yang mencabar ini.

Kami berterima kasih di atas pelaburan anda di dalam dana-dana kami dan kami berharap dapat membantu anda untuk mencapai matlamat pelaburan anda. Kami menawarkan banyak pilihan dana yang dapat memenuhi keperluan pelaburan anda, oleh itu, sila hubungi Eksekutif Kewangan Bank Islam di mana-mana cawangan Bank Islam untuk berbincang dengan lebih lanjut. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi kami di +603 26 900 900 atau emel ke contactcenter@bankislam.com.my.

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih.

Yang benar
BIMB INVESTMENT MANAGEMENT BERHAD

(*Ini adalah cetakan komputer, tandatangan tidak diperlukan.*)